

LKIM manfaat RM7 juta sedia stok ikan sejuk beku

1,000 tan bekalan dibeli sebagai persediaan hadapi musim tengkujuh

RH 15/10/2022 ms: 14

Oleh Shaiful Shahrin
Ahmad Pauzi
bhnews@bh.com.my

Bukit Gantang: Lembaga Kema-
juan Ikan Malaysia (LKIM) akan

menyediakan sehingga 1,000 tan stok ikan sejuk beku sebagai persediaan untuk menampung risiko kekurangan bekalan ketika musim tengkujuh nanti.

Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, berkata RM7 juta peruntukan diluluskan kerajaan untuk pihaknya bagi tujuan itu yang akan dimanfaatkan untuk pembelian stok ikan sejuk beku berkenaan.

Pendaratan ikan berkurangan

Buat masa sekarang, katanya pendaratan ikan sudah mula berku-

rangan dan pihaknya juga belum mempunyai stok sendiri.

“Melalui peruntukkan diluluskan, kita dalam proses pembelian stok ikan dari pihak swasta untuk dijadikan stok sendiri dan ia akan dikeluarkan pada musim tengkujuh nanti bagi memenuhi permintaan rakyat.

“Kita jangkakan 1,000 tan stok ikan akan disimpan dan akan dikeluarkan masa tengkujuh nanti.

“Pada masa sama, program pemberian ikan percuma turut dibuat di kawasan tertentu bagi membantu mereka yang terkesan,”

katanya pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Enjin Sangkut Nelayan di Persatuan nelayan kawasan (PNK) Sungai Tinggi, di sini.

Ditanya mengenai persiapan banjir, Abu Hussin berkata, LKIM sudah pun melakukan persediaan diperlukan di semua lokasi yang berisiko dilanda bencana itu.

“Kita juga akan menggunakan segala aset yang ada untuk membantu, malah ahli persatuan nelayan yang mempunyai bot atau sampan juga sudah diminta membantu dalam operasi menyelamatkan mangsa banjir jika berlaku,” katanya.